

Orang sombong

9 NOV 1991

dibenci Allah

(V)
GURU agama yang mengajar orang Islam supaya tidak berusaha **bersungguh-sungguh** adalah golongan jahil walaupun memiliki ijazah berjela, kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Menurut Presiden Umno, guru yang fasih berbahasa Arab dan menganggap orang lain yang tidak fasih bahasa itu sebagai tidak berhak menguasai ajaran Islam, adalah orang yang angkuh dan sombong.

"Dan Allah tidak suka kepada orang sombong. Bukantiah sesuatu yang luar biasa bagi guru yang berpengetahuan agama tinggi tetapi membuat perkara salah.

"Tidak akan wujud fahaman

berbeza yang memecah-belah dan mengasingkan orang Islam jika tidak kerana ajaran oleh mereka yang menyalah-tafsirkan ajaran Islam secara sedar atau sengaja," katanya dalam ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno hari ini.

Perdana Menteri berkata, ajaran yang kerap disampaikan kepada umat Islam bertumpu kepada kebahagiaan di akhirat, iaitu orang yang bercakap atau berusaha mengenai kebahagiaan di dunia akan dituduh oleh golongan mengaku ulama sebagai bersalah dan tidak Islam.

Bagi golongan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir, Ad-deen

hanyalah persediaan untuk menghadapi kematian semata-mata.

"Ajaran ulama inilah yang menyebabkan umat Islam menghabiskan hayat mereka semata-mata membuat persediaan untuk akhirat. Dan untuk ini pelbagai ibadat dicipta dan ditokok tambah untuk memenuhi masa hidup mereka," ujasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, orang yang tidak mengikut ibadat yang ditokok tambah itu akan dianggap oleh ulama berkenaannya sebagai kurang Islam atau tidak Islam.

"Kerana takut dituduh tidak Islam atau kurang Islam, ramai orang Islam membusu atau

ikut mengamal ibadat yang dicipta ini sehingga tidak ada masa lagi untuk mengejar kejayaan di dunia atau menjalinkan dengan sempurna tugas yang diamanahkan kepada mereka," katanya.